

'Saya tak tahu'

Tiada pramesyuarat sebelum Majlis Presiden PH

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail tidak mengetahui mengenai dakwaan akan berlangsungnya satu pramesyuarat sebelum mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) di Yayasan Kepimpinan Perdana malam ini.

Beliau berkata, pada pengetahuannya hanya

satu mesyuarat yang dikenali sebagai Majlis Sekretariat akan berlangsung tiga jam sebelum Majlis Presiden PH diadakan.

"Pramesyuarat tidak ada, cuma semalam (kelmarin) kami adakan Majlis Sekretariat. Dalam pertemuan itu kami bersetuju untuk mendahului mesyuarat 21 Februari (Majlis Presiden PH) jam 8.30 malam, Majlis Sekretariat pula akan diadakan tiga jam sebelum itu.

"Tujuannya (Majlis Sekretariat) adalah supaya kami boleh sampaikan segala arahan dan tekankan kepada semua untuk kembali pada asas iaitu dari segi menguasai lapangan serta prog-

ram penyampaian maklumat yang terus kepada rakyat.

"Sebelum PH menjadi kerajaan, antara kekuatan kami adalah kami cepat menguasai lapangan dan menerangkan kepada rakyat mengenai sesuatu perkara.

"Jadi kami fikir selepas menjadi kerajaan lebih 20 bulan, aspek ini perlu diberi penekanan yang lebih kemas dan tersusun dengan meminta pimpinan PH di setiap negeri memulakan gerak kerja berkenaan," katanya selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada pegawai di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.

Saifuddin berkata, Majlis Sekretariat berkenaan akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Sekretariat PH Datuk Saifuddin Abdullah dan disertai oleh semua Setiausaha Agung parti komponen PH.



“
Bagi pengetahuan saya hanya satu mesyuarat akan diadakan
Saifuddin